

05 OCT 2001

Mustapa-Puteri

RAMAI ANAK ANGGOTA PAS SERTAI PUTERI UMNO

KOTA BAHARU, 5 Okt (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed mendedahkan bahawa ramai di kalangan anak-anak anggota Pas di Kelantan menjadi anggota Puteri Umno secara senyap-senyap.

Beliau berkata Umno Kelantan mendapat banyak laporan menunjukkan anggota keluarga dari Pas memberi tentangan hebat kepada anak-anak supaya tidak menyertai Puteri Umno.

"Ini perkembangan yang menggalakkan kerana jelas bahawa generasi muda ini tidak berpuas hati dengan keadaan di Kelantan dan parti Pas," katanya kepada pemberita selepas melancarkan penubuhan Puteri Umno Kelantan di sini, hari ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said dan Ketua Penaja Puteri Umno Kelantan Yusnita Mohd Yusof.

Mustapa yang juga Ketua Penerangan Umno berkata bilangan anggota Puteri Umno di Kelantan kini melebihi 5,000 orang dan kewujudan Puteri Umno membantu meningkatkan bilangan anggota Umno di negeri ini.

"Kalau tak ada Puteri, jumlah pertambahan ahli tidak sehebat ini. Kewujudan Puteri akan memantapkan kedudukan Umno Kelantan dan mampu menggugat kedudukan Pas Kelantan," katanya.

Beliau berkata anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno sedang turun ke bahagian-bahagian di seluruh negara dalam kempen menambah anggota Umno khususnya anggota Puteri.

Mustapa berkata Puteri Umno Kelantan yang dijangka mempunyai 10,000 anggota akhir tahun ini, perlu bekerja keras untuk menjadi satu sayap Umno yang kuat dan cergas.

Sementara itu, Azalina berkata bilangan anggota Puteri Umno kini bertambah ramai terutama di kawasan pembangkang apabila ramai anak parti pembangkang menyertai Puteri Umno.

"Ini menunjukkan perubahan pemikiran wanita Melayu muda dalam negara. Ini juga merupakan satu pengiktirafan bahawa Umno adalah satu-satunya parti Melayu yang memperjuangkan isu-isu wanita," katanya.

Beliau berkata sehingga Ogos lepas, bilangan anggota Puteri Umno lebih 80,000 orang dan jumlah itu semakin bertambah memandangkan borang-borang keahlian sedang dikumpul dari peringkat bahagian.

Beliau berkata setiap perkembangan dalam Puteri Umno akan dimaklumkan kepada Presiden Parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Puteri Umno berterima kasih kepada Pergerakan Wanita Umno yang banyak membantu dalam menambah bilangannya dan perlembagaan Puteri Umno membolehkan anggotanya menjadi anggota Pergerakan Wanita Umno secara automatik apabila berumur 35 tahun.

-- BERNAMA

BD FAZ